

16 OCT 2003

OIC-Anugerah (Bergambar)/I

"ANUGERAH MAHATHIR UNTUK PENGAJIAN ISLAM" DILANCAR

PUTRAJAYA, 16 Okt (Bernama) -- Pusat Penyelidikan Sejarah, Seni dan Budaya Islam (IRCICA), sebuah agensi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), hari ini melancarkan anugerah akademik "Anugerah Mahathir Untuk Pengajian Islam".

Ketua Pengarahnya, Prof Dr Ekmeleddin Ihsanoglu berkata anugerah itu menjadi simbol penghargaan kepada sumbangan dan sokongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada usaha penyelidikan dan pembangunan dunia Islam.

"Program itu bertujuan menggalak pengajian kebudayaan Islam di kalangan pelajar muda," katanya semasa mengumumkan pelancaran anugerah itu pada majlis pembukaaan Sidang Kemuncak OIC ke-10 di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini.

Beliau berkata sumbangan Dr Mahathir terhadap kemajuan budaya, seni dan sains dunia Islam telah menjadi sumber inspirasi kepada para cendekiawan Islam.

Beliau berkata anugerah itu akan dikurniakan dari masa ke semasa kepada pemegang PhD yang menghasilkan kajian berkaitan dunia Islam dan anugerah pertama akan diberikan kepada tesis berkenaan dunia Melayu.

Katanya, anugerah sulung akan diberikan pada 2005 kepada tiga penerima yang menghasilkan kajian antara 2000 dan 2004.

Tesis yang dikemukakan untuk pertimbangan mesti mengandungi aspek penyelidikan berhubung sejarah, pembangunan dan perkembangan budaya dan tamadun Islam serta dunia Melayu.

Dr Ekmeleddin juga pada majlis itu, menyampaikan plat yang terukir hadis Rasullulah SAW, kepada Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MT AZZ MOZ